

**MEMO RESIDENSI PELAJAR
KOLEJ KEDIAMAN BESTARI JAYA
PEMBANGUNAN PELAJAR DAN JARINGAN KOMUNITI**

**KEBENARAN UNTUK MENGINAP DI UNIT KEDIAMAN SEDIA ADA
KECUALI BLOK F1, F2, F3, F4, G1, G2, A2 dan A3
BAGI SEMESTER OGOS 2025**

KEPADA : **SEMUA PELAJAR UNIVERSITI SELANGOR**

DARIPADA : Pengarah Residensi Pelajar

SALINAN : 1. Presiden & Naib Canselor
2. Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)
3. Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri)
4. Pendaftar
5. Bendahari
6. Dekan-dekan Fakulti
7. Timbalan-timbalan Dekan Pemasaran & Pembangunan Pelajar Fakulti/ Pusat
8. Pengarah, Jabatan Keselamatan, Penjimatan dan Kesihatan Pekerjaan
9. Pengarah, Pejabat Antarabangsa
10. Felo Residen

RUJUKAN : UNISEL/KKBJ/25/05(11)JILID(1)

TARIKH : 11 Julai 2025


NOR AKMARIAH ABDULLAH K.B., P.A.
PENGARAH
RESIDENSI PELAJAR
PEMBANGUNAN PELAJAR & JARINGAN KOMUNITI
UNIVERSITI SELANGOR

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Mahasiswa Budiman,

Mesyuarat Residensi Pelajar bertarikh 02 Julai 2025 telah meluluskan cadangan pelajar di Kolej Kediaman Unisel Kampus Bestari Jaya untuk kekal menginap di bilik dan unit kediaman sedia ada bagi Semester Ogos 2025.

Walau bagaimanapun bagi blok F1, F2, F3, F4, G1, G2, A2 dan A3 sahaja perlu mengosongkan bilik dan unit sepenuhnya.

Pelajar dari unit pengosongan sahaja perlu hadir ke Pejabat Residensi Pelajar untuk tujuan perpindahan bilik/ unit kediaman.

Semua penghuni kolej adalah **DIWAJIBKAN** membuat proses daftar keluar di Pejabat Residensi Pelajar seperti langkah berikut:

- i. Membawa kad matrik sebagai pengenalan diri
- ii. Memulangkan kunci yang lengkap
- iii. Urusan daftar keluar dan pemulangan kunci perlu dilakukan pada waktu operasi pejabat iaitu antara hari isnin hingga jumaat, **bermula 9.00 pagi hingga 4.00 petang** sahaja.

****Pelajar tidak dibenarkan membawa pulang kunci ke rumah/ kampung halaman. Kegagalan memulangkan kunci di pejabat boleh dikenakan tindakan kompaun.***

Namun demikian, semua pelajar yang kekal di bilik/ unit sedia ada perlu memastikan:

- i. Sampah di buang di tempat pembuangan sampah.
- ii. Bilik/ Unit kediaman dalam keadaan kemas dan bersih.
- iii. Tidak meninggalkan barangan berharga.
- iv. Semua tingkap/ pintu ditutup rapat dan berkunci.
- v. Tutup semua suis lampu, kipas dan perkakasan elektrik.

****Pihak Residensi Pelajar tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan barangan yang ditinggalkan. Residensi pelajar juga tidak bertanggungjawab ke atas bilik/ unit yang ditinggalkan berada dalam keadaan kotor atau tidak kemas.***

Kebenaran khas ini diberikan untuk pendaftaran Kolej Kediaman Semester Ogos 2025 sahaja.

Diharapkan dengan kelonggaran yang diberikan ini dapat membantu para penghuni Kolej Kediaman untuk membuat persediaan yang lebih baik untuk mengikuti pembelajaran Semester Ogos 2025.

-- TAMAT --